



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Kelantan  
Kampus Machang

PROSES KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS  
**SOP MASUK  
KAMPUS**

# SOALAN LAZIM (FAQs)

SEMESTER MAC - OGOS 2021



\*\*Dikemaskini pada 17 Mei 2021

(Rujukan: Pekeliling Naib Canselor Bil. 07 Tahun 2021)

JAWATANKUASA OPERASI BENCANA NEGERI (JOBN)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
<b>SEBELUM MASUK KE KAMPUS</b>		
1	Bilakah tarikh pergerakan pelajar kembali ke kampus bagi Fasa 2?	Kemasukan Fasa 2 adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Fasa 2a: 08 Jun 2021</li> <li>▪ Fasa 2b: 20 Jun 2021</li> </ul>
2	Apakah tindakan yang perlu dilakukan sebelum masuk ke kampus?	Pelajar perlu mendapatkan <b>Surat Pelepasan Rentas Daerah/Negeri melalui sistem SaringC19</b> .
3	Adakah pelajar dibenarkan kembali ke kampus menggunakan pengangkutan awam?	<p>Pelajar dibenarkan untuk kembali ke kampus <b>menggunakan kenderaan sendiri atau dihantar oleh ibubapa/penjaga sahaja</b>.</p> <p>Pelajar tidak dibenarkan untuk kembali ke kampus menggunakan pengangkutan awam.</p>
4	Apakah prosedur yang telah ditetapkan semasa menghantar pelajar kembali ke kampus?	<p>Semasa menghantar pelajar kembali ke kampus, ibubapa/penjaga dan pelajar hendaklah mematuhi prosedur seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Bilangan ibubapa/penjaga yang menghantar pelajar <b>adalah tidak melebihi dua (2) orang</b>.</li> <li>b) Ibubapa/penjaga dan pelajar yang <b>bergejala COVID-19 seperti demam, batuk, selsema dan sesak nafas tidak dibenarkan</b> memasuki kampus.</li> <li>c) Semua pelajar perlu menunjukkan Surat Kebenaran Masuk Kampus kepada anggota polis bantuan yang bertugas di pintu masuk UiTMCK.</li> <li>d) Sentiasa memakai <b>pelitup separuh muka</b> (face mask).</li> <li>e) Menjalani <b>saringan suhu badan dan mengimbas kod QR MySejahtera</b> secara pandu lalu di tempat yang telah disediakan. <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Siswa – Blok D</b></li> <li>▪ <b>Siswi – Medan Ilmu</b></li> </ul> </li> <li>f) Ibubapa/penjaga diminta untuk terus kekal di dalam kenderaan dan <b>tidak dibenarkan untuk naik ke bilik pelajar</b>.</li> </ol>
<b>SEMASA TEMPOH ISOLASI</b>		
5	Adakah pelajar yang memasuki kampus perlu melalui proses isolasi? Berapakah tempoh isolasi berkenaan?	Ya. Semua pelajar yang memasuki kampus dan tinggal di kolej perlu melalui <b>proses isolasi</b> sebagaimana SOP Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) selama <b>10 hari</b> dari tarikh kemasukan pelajar ke kampus.
6	Apakah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan sepanjang tempoh isolasi?	<p>Sepanjang tempoh isolasi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pelajar <b>tidak dibenarkan</b> keluar dari kolej/kampus kecuali bagi kes-kes kecemasan. Bagi kes-kes kecemasan (kematian atau sakit tenat), pelajar hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mengisi borang kebenaran untuk keluar pada <b>waktu pejabat</b> sahaja dan mendapatkan <b>kelulusan daripada Unit Kolej</b>.</li> <li>ii) Bagi kes-kes kecemasan dan perlu pulang di <b>luar waktu pejabat</b>, pelajar hendaklah mengisi</li> </ul> </li> </ol>

		<p>borang kebenaran keluar dan memohon <b>kelulusan daripada SRK</b>.</p> <p>iii) Bagi permohonan untuk <b>kembali ke kampus (selepas pulang bagi kes kecemasan)</b>, pelajar hendaklah mendapat <b>kelulusan dari pihak JOBN</b> dan <b>menjalani tempoh isolasi semula sejurus ketibaan di kolej kediaman</b>.</p> <p>b) <b>Tiada lawatan</b> daripada ibubapa.</p> <p>c) Aktiviti bersukan adalah <b>tidak dibenarkan</b>.</p> <p>d) Pelajar <b>tidak dibenarkan</b> keluar ke perpustakaan atau ke mana-mana blok akademik.</p> <p>e) Pelajar <b>dibenarkan</b> untuk menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan dari pengusaha di dalam dan di luar kampus. Pelajar digalakkan untuk membuat 'contactless delivery' di mana makanan akan dihantar di 'drop-point' yang telah ditetapkan di kolej masing-masing dan bayaran dilakukan secara atas talian (<i>online banking</i>).</p> <p>f) Pelajar bergejala (demam, batuk, selsema, sesak nafas dan lain-lain), sila hubungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Unit Kesihatan (No. tel: 09-9762102) dalam tempoh waktu bekerja, atau</li> <li>▪ SRK yang bertugas (di luar waktu pejabat/hari cuti)</li> </ul> <p>g) Pihak Unit Kesihatan akan merujuk pelajar ke hospital/klinik kesihatan yang berdekatan untuk rawatan lanjut.</p> <p>h) Pelajar <b>diwajibkan</b> membuat saringan menggunakan aplikasi SaringC19 setiap hari.</p>
7	Adakah pelajar dibenarkan untuk mengambil barang di stor simpanan semasa tempoh isolasi?	Pelajar dibenarkan untuk mengambil barang yang disimpan di stor simpanan <b>selepas tempoh isolasi</b> .
8	Jika pelajar yang melalui proses isolasi didapati melanggar syarat dan/atau SOP, apakah tindakan yang dikenakan?	Jika pelajar didapati melanggar syarat dan/atau SOP yang ditetapkan, jika disabitkan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah <b>Akta 174: Kaedah - Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar 1976)</b> .

### SELEPAS TEMPOH ISOLASI

9	Apakah peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi selepas tempoh isolasi?	<p>Selepas tempoh isolasi, pelajar akan berpindah ke kolej tetap. Peraturan-peraturan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:</p> <p>a) Pelajar <b>tidak dibenarkan</b> keluar dari kampus kecuali bagi kes-kes kecemasan. Bagi kes-kes kecemasan (kematian atau sakit tenat), pelajar hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mengisi borang kebenaran untuk keluar pada <b>waktu pejabat</b> sahaja dan mendapatkan <b>kelulusan daripada Unit Kolej</b>.</li> <li>ii) Bagi kes-kes kecemasan dan perlu pulang di <b>luar waktu pejabat</b>, pelajar hendaklah mengisi borang kebenaran keluar dan memohon <b>kelulusan daripada SRK</b>.</li> </ul>
---	--	---

		<p>iii) Bagi permohonan untuk <b>kembali ke kampus (selepas pulang bagi kes kecemasan)</b>, pelajar hendaklah mendapat <b>kelulusan dari pihak JOBN</b> dan <b>menjalani tempoh isolasi semula sejurus ketibaan di kolej kediaman</b>.</p> <p>b) <b>Tiada lawatan</b> daripada ibubapa. Ibubapa hanya <b>dibenarkan</b> untuk menghantar barang-barang di 'drop-point' yang disediakan di pintu masuk utama, namun tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan pelajar.</p> <p>c) Aktiviti bersukan adalah <b>dibenarkan</b> mengikut SOP yang telah ditetapkan.</p> <p>d) Pelajar <b>dibenarkan</b> keluar ke perpustakaan atau ke mana-mana blok akademik bagi menggunakan kemudahan internet atau berjumpa pensyarah (aturkan temujanji terlebih dahulu) dan mengikut semua SOP yang telah ditetapkan.</p> <p>e) Pelajar <b>dibenarkan</b> untuk menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan dari pengusaha di dalam dan di luar kampus. Pelajar digalakkan untuk membuat 'contactless delivery' di mana makanan akan dihantar di 'drop-point' yang telah ditetapkan di kolej masing-masing dan bayaran dilakukan secara atas talian (<i>online banking</i>).</p> <p>f) Pelajar bergejala (demam, batuk, selsema, sesak nafas dan lain-lain), sila hubungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Unit Kesihatan (No. tel: 09-9762102) dalam tempoh waktu bekerja, atau</li> <li>▪ SRK yang bertugas (di luar waktu pejabat/hari cuti)</li> </ul> <p>g) Pelajar <b>diwajibkan</b> membuat saringan menggunakan aplikasi SaringC19 setiap hari.</p>
10	Adakah pelajar dibenarkan membawa kenderaan?	<p>Pelajar dibenarkan untuk hadir ke kampus dengan menaiki kereta dan motosikal sendiri, namun <b>hanya motosikal sahaja yang dibenarkan untuk kegunaan di dalam kampus</b>.</p> <p>Kenderaan yang dibawa hendaklah didaftarkan untuk mendapatkan pelekat kenderaan pelajar di Pejabat Polis Bantuan.</p> <p>Penggunaan kereta di dalam kampus tidak dibenarkan kecuali di atas masalah kesihatan dll – Kelulusan bertulis daripada Timbalan Rektor HEP diperlukan untuk kelulusan tersebut.</p> <p>Penggunaan kereta pelajar hanya dibenarkan untuk kembali ke kampus dan pulang ke kampung halaman sahaja. Pelajar dikehendaki memarkir kereta di Medan Ilmu.</p> <p>Hanya kereta pelajar yang mendapat kelulusan TRHEP sahaja yang dibenarkan untuk parkir di dalam kawasan kolej kediaman.</p>

11	Adakah pelajar yang menginap di kolej kediaman dibenarkan keluar dari kampus untuk membeli barang keperluan?	Atas faktor keselamatan dan kesihatan pelajar yang mendiami di kolej kediaman <b>tidak dibenarkan</b> keluar dari kampus. Barang keperluan boleh dibeli dari kedai koperasi yang beroperasi dalam kampus atau boleh membuat pembelian secara atas talian.
12	Sekiranya pelajar membuat pembelian secara atas talian, di manakah pelajar boleh mengambil barang yang dihantar oleh perkhidmatan kurier?	Perkhidmatan kurier (Poslaju, J&T Express, Citylink, GDex dll) dibenarkan masuk ke kolej pelajar dan menghantar barang-barang tersebut di satu 'drop-point' yang telah dikhaskan di setiap kolej.
13	Adakah pelajar dibenarkan untuk hadir ke sesi temujanji di hospital?	Pelajar hanya dibenarkan untuk hadir ke sesi temujanji di <b>hospital kerajaan sahaja</b> . Bagi temujanji dengan hospital kerajaan, pelajar akan dibawa ke hospital dengan menggunakan kenderaan universiti dan diuruskan oleh Unit Kesihatan.
14	Adakah pelajar siswa dibenarkan untuk keluar untuk menunaikan Solat Jumaat?	Pelajar dinasihatkan untuk menunaikan Solat Zohor di kolej kediaman atau di Pusat Islam. Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada situasi dan arahan yang dikeluarkan oleh MAIK.
15	Apakah SOP rutin yang perlu diamalkan oleh pelajar?	Pelajar perlu: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mengisi SaringC19 setiap hari</li> <li>ii) Memakai pelitup separuh muka</li> <li>iii) Menjaga penjarakan sosial</li> <li>iv) Mengelakkan tempat sempit dan sesak</li> <li>v) Mengamalkan mencuci tangan</li> </ul>
16	Jika pelajar yang berada di kolej/kampus didapati melanggar syarat dan/atau SOP, apakah tindakan yang dikenakan?	Jika pelajar didapati melanggar syarat dan/atau SOP yang ditetapkan, jika disabitkan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah <b>Akta 174: Kaedah - Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar 1976)</b> .

**\*\*Sebarang ketetapan adalah tertakluk kepada situasi dan arahan semasa yang dikeluarkan pihak Kerajaan.**

Disediakan oleh:

**Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN)**  
 Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
 Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan  
 Tel: (+09)976 2006  
 E-mail: jobn\_uitmck@uitm.edu.my



ISO 9001:2015 No. Sijil: 10120156

